

PEMEGANG SAHAM BANK ISLAM MELULUSKAN SEMUA RESOLUSI PADA AGM KE-43

Semua resolusi diluluskan ketika Kumpulan memperkukuh fokus strategik terhadap pertumbuhan mampan, transformasi digital dan perbankan berasaskan nilai

KUALA LUMPUR, Khamis, [7 Mei 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mengumumkan bahawa pemegang sahamnya telah meluluskan semua resolusi yang dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-43 Kumpulan (AGM) yang diadakan semalam.

Walaupun berdepan persekitaran operasi yang mencabar pada tahun 2025, didorong oleh ketidaktentuan ekonomi global dan tekanan margin di seluruh sektor, Bank Islam mempamerkan daya tahan serta disiplin dalam melaksanakan keutamaan strategiknya. Kumpulan Bank Islam telah menamatkan aspirasi strategik LEAP25 dengan prestasi yang kukuh, melepasi sebahagian besar sasaran prestasi utama bagi tahun kewangan berakhir Disember 2025.

Jumlah aset Bank Islam meningkat kepada RM104.1 bilion, melebihi sasaran RM100 bilion serta mencatatkan pertumbuhan 7.6% tahun ke tahun. Pembiayaan kasar meningkat sebanyak 6.4% kepada RM74.7 bilion, disokong oleh pertumbuhan teguh Perbankan Runcit Kumpulan (+4.8%) dan Perbankan Institusi Kumpulan (+12.1%). Aset sesaham bersih berada pada RM3.56.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah, berkata, "Prestasi yang dicapai mencerminkan daya tahan Bank Islam serta komitmen berterusan terhadap penciptaan nilai jangka panjang. Kami kekal memberi tumpuan kepada pengukuhan perniagaan teras, meningkatkan keupayaan digital dan menyampaikan penyelesaian berfokuskan pelanggan yang selaras dengan prinsip Syariah."

Memandang ke hadapan, Raja Teh menambah bahawa Bank Islam akan melaksanakan agenda strategik yang lebih meluas bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing jangka panjang, termasuk memperluas dan mempelbagaikan aliran pendapatan seperti dengan memperluaskan bahagian perbankan institusi, menyelaraskan perbelanjaan serta merasionalisasikan fungsi sokongan bagi meningkatkan kecekapan operasi. Kumpulan juga sedang membangunkan seni bina teknologi bank yang akan menyediakan asas yang berdisiplin dan berskala bagi pertumbuhan jangka sederhana hingga panjang. Usaha ini bertujuan untuk memastikan pelaburan digital, produk dan sistem pada masa hadapan adalah rapi, berupaya beroperasi bersama serta selaras dengan objektif strategik Kumpulan.

Pengerusi Kumpulan, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar, mengulas, “Dengan asas yang kukuh, Bank Islam berada pada kedudukan yang baik untuk menyampaikan nilai yang inklusif dan mampan kepada pihak berkepentingan, komuniti serta negara. Lembaga Pengarah kekal komited untuk menegakkan tadbir urus yang kukuh dan memajukan amalan perbankan yang bertanggungjawab.”

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.